

UTUSAN MALAYSIA • KHAMIS 24 JANUARI 2019

## TUDM perkenal konsep baharu untuk lahirkan juruterbang Latihan hanya 4 tahun

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD

pengarang@utusan.com.my

■ ALOR SETAR 23 JAN.

**T**ENTERA Udara Diraja Malaysia (TUDM) memperkenalkan konsep pengajian baharu bagi melahirkan lebih ramai juruterbang tentera yang bertauliah menerusi Program 2u2i hasil kerjasama dengan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Panglima TUDM, Jeneral Tan Sri Affendi Buang berkata, calon pegawai kadet juruterbang akan hanya mengambil masa empat tahun melengkapkan pengajian di UPNM dan di Kolej Tentera Udara (KTU) berbanding hampir enam tahun sebelum ini.

Menurutnya, 2u2i bermaksud dua tahun pengajian akademik di UPNM dan dua tahun latihan industri di KTU, melibatkan 23 calon juruterbang bagi kumpulan penuntut pertama.

“Mereka adalah penuntut yang memulakan pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda Penerbangan di UPNM bagi fasa 2u



**AFFENDI BUANG** mendengar taklimat daripada ketua pengajar, **Husamudin Yaacob** (kiri) mengenai fungsi Simulator Peranti Latihan Penerbangan di Kolej Tentera Udara, Alor Setar, Kedah, semalam. Turut hadir, **Abdul Halim Jalil** (kanan). - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

sejak September tahun lalu dan dijangka melengkapkan pengajian masing-masing termasuk fasa 2i di KTU pada Oktober 2022.

“Pengenalan Program 2u2i memberi manfaat besar kepada TUDM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kerana menjimatkan kos, namun kami tidak

akan berkompromi terhadap standard serta piawaian pengajian di universiti,” katanya selepas menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan UPNM di sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor UPNM, Leftenan Jeneral Datuk Abdul Halim Jalal.